

# Sistem baru: Pentadbir mula dari bawah — Dr Mahathir

**SUBANG, Rabu** — Sistem pentadbiran kerajaan sekarang akan dirombak mengikut sistem pentadbiran 'ala Jepun' dengan menitik beratkan setiap pegawai yang memegang teraju sesuatu jabatan hendaklah terlebih dahulu bertugas dari peringkat bawah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, di bawah sistem tersebut mereka yang benar-benar berkeupayaan dinaikkan pangkat memimpin sesuatu jabatan.



● DATUK SERI DR. MAHATHIR

"Ini disebabkan sistem pengkhususan yang ditiru dari Barat tidak praktikal dijalankan sekarang kerana ia mengongkong perkembangan seseorang pegawai.

"Cara tersebut telah menyebabkan mereka tidak tahu masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja peringkat bawah.

Bagalmanapun, beliau menegaskan, rombakan ini tidak bermakna dibuat secara 'total' tanpa menitik beratkan nilai budaya dan keadaan sekeliling negara ini.

### Meniru

"Proses ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat," tambah beliau.

Datuk Seri Dr.

Mahathir berkata demikian kepada para pemberita di Lapanganterbang Antarabangsa di sini semalam setelah melawat tidak rasmi enam hari ke Jepun.

Perdana Menteri menambah, ini tidak bermakna sistem pentadbiran kerajaan sekarang tidak berkesan tetapi disebabkan dunia sudah akui sistem secara Jepun itu baik "maka sewajarnya kita meniru sistem yang lebih baik," ujarnya.

"Saya akan membincangkan perkara ini dengan Ketua Setiausaha Negara, bagaimana sistem yang baik ini dapat dilaksanakan dengan berkesan," jelas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, sistem ini jelas ditulis dalam sebuah buku bertajuk 'Teknologi Jepun' yang menyingkap seluruh selok-belok pentadbiran negara itu sehingga menjadi sebuah negara yang termaju di dunia.

Tindakan beliau itu dianggap sebagai usaha mengukuhkan azamnya untuk 'memandang ke Timur'.

Beliau lalu mencadangkan agar syarikat swasta juga menitik beratkan apa yang telah dibuat di Jepun supaya pengeluaran negara bertambah.

"Kalau boleh setiap rakyat negara ini hendaklah membaca buku tersebut kerana ia amat baik," ujarnya.

Mengenai pelaburan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, banyak syarikat Jepun berminat untuk melabur di negara ini di samping bersedia melatih pelajar-pelajar mempelajari di semua bidang teknologi dari A hingga Z.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2734 .....  
No. Penerimaan ..... 480/85 .....